

Ruj. Kami : ST(IP/JOI/KPT)21/17(007)

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)

12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2
62100 Putrajaya, Malaysia

T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637

Toll Free : 1-800-2222-78 (ST)

Ir. MOHD KHIR BIN MUHAMMAD

Executive Director

IEM Training Academy Sdn Bhd

Wisma IEM, First Floor,

No 21, Jalan Selangor, 46150,

Petaling Jaya, SELANGOR



15 September 2021

Tuan,

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN PERTUKARAN NAMA SYARIKAT DAN
PENGIKTIRAFAN PENTAULIAHAN PUSAT LATIHAN UNTUK MELATIH BAKAL
PENGURUS TENAGA ELEKTRIK BERDAFTAR MELALUI PROGRAM *ENERGY
MANAGER TRAINING COURSE (EMTC)* SECARA FIZIKAL DAN ATAS TALIAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Suruhanjaya Tenaga (ST) telah menerima permohonan daripada pihak tuan pada 3 Ogos 2021 untuk menukar nama syarikat daripada IEM Training Centre Sdn Bhd kepada IEM Training Academy Sdn Bhd. Selain itu, tuan juga telah memohon untuk melaksanakan program *Energy Manager Training Course (EMTC)* secara fizikal dan juga secara atas talian.

3. Setelah meneliti permohonan tuan, ST telah bersetuju untuk meluluskan permohonan tersebut dengan syarat seperti yang telah dinyatakan di lampiran.

4. Perkara ini adalah dikemukakan untuk makluman tuan.

Sekian, terima kasih.


ZULKIFLEE UMAR

Timbalan Pengarah

Unit Kecekapan dan Pemuliharaan Tenaga (UKPT)

Jabatan Operasi Industri (JOI)

b.p. Suruhanjaya Tenaga



PENGIKTIRAFAN PROGRAM PENGAJIAN UNTUK BERDAFTAR SEBAGAI PENGURUS TENAGA ELEKTRIK BERDAFTAR


SURUHANJAYA TENAGA dengan ini memberi pengiktirafan kepada

IEM TRAINING ACADEMY SDN BHD

untuk mengendalikan program latihan bagi pendaftaran Pengurus Tenaga
Elektrik Berdaftar seperti di bawah:-

PROGRAM : ENERGY MANAGER TRAINING COURSE (EMTC)
TEMPOH PROGRAM : SEPENUH MASA – LIMA (5) HARI
(FIZIKAL DAN ATAS TALIAN)

berkuatkuasa dari tarikh kebenaran ini ditandatangani dan tertakluk kepada
syarat-syarat yang dinyatakan seperti di dalam Lampiran A.



(ABDUL RAZIB DIN DAWOOD)

Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Tenaga

Tarikh : 15 September 2021

SYARAT-SYARAT	TEMPOH DAN PEMARKAHAN
<p>KELAYAKAN TENAGA PENGAJAR: Tenaga pengajar untuk program ini hendaklah terdiri daripada pengurus tenaga elektrik (PTE) yang berdaftar dengan ST, CEM, agensi kerajaan dan jurutera professional yang bergiat aktif dalam industri di mana pelajar-pelajar yang mengikuti program ini akan terdedah secara menyeluruh dengan perkembangan semasa kecekapan tenaga di dalam sektor industri.</p> <p>SYARAT KELAYAKAN UNTUK DIDAFTARKAN SEBAGAI PTE: Merujuk kepada peraturan 12 (1), Peraturan Pengurusan Tenaga Elektrik Dengan Cekap 2008; "Seseorang yang memohon untuk didaftarkan sebagai seorang pengurus tenaga elektrik bagi maksud Peraturan-Peraturan ini hendaklah memuaskan hati Suruhanjaya bawah –</p> <p>(a) dia ialah seorang warganegara Malaysia yang berumur 23 tahun ke atas yang –</p> <p>(ii) memegang ijazah dalam Sains, Kejuruteraan, Seni Bina atau yang setaraf;"</p> <p>Bagi memenuhi kehendak dalam PPTec 2008 iaitu pengalaman bekerja selama satu (1) tahun, peserta hendaklah mempunyai pengalaman selama setahun didalam Pengurusan tenaga. Peserta juga hendaklah lulus dalam ujian bertulis dan pembentangan projek secara individu semasa hari terakhir latihan.</p> <p>SYARAT-SYARAT TAMBAHAN:</p> <p>a) Sebarang perubahan kepada modul dan tenaga hendaklah dimaklumkan kepada ST</p> <p>b) Pembentangan projek adalah pembentangan individu.</p> <p>c) Memastikan sekurang-kurangnya 80% tenaga pengajar adalah PTE Berdaftar dengan ST.</p> <p>d) Brosur yang mengandungi logo ST harus mendapat kebenaran UKK ST</p> <p>e) Memastikan kehadiran peserta sepanjang 5 hari berlangsung</p> <p>f) Mengeluarkan sijil kehadiran dan sijil CEM secara berasingan dan memastikan rekod peserta disimpan dengan baik.</p> <p>g) Mempunyai jawatankuasa peperiksaan dan kelulusan peringkat IEM Training Academy yang mengandungi sekurang-nya lima (5) panel</p>	<p>atau sekurang-nya tiga (3) panel dalam setiap sesi.</p> <p>h) Memastikan peserta yang layak menjadi PTE memenuhi kelayakan seperti kehendak PPTec 2008.</p> <p>i) Membantu peserta untuk menukar sijil CEM kepada sijil ST dengan cara menerima permohonan daripada peserta yang layak untuk menukar sijil CEM kepada sijil PTE, menyemak dokumen permohonan dan menghantar dokumen yang telah ditapis kepada ST</p> <p>j) Menyimpan rekod peserta, tenaga pengajar, minit mesyuarat berkaitan dengan teratur.</p> <p>k) Mematuhi syarat-syarat lain setelah ST mengaudit mengikut tempoh masa yang ditetapkan.</p> <p>SYARAT-SYARAT BAGI KELAS ATAS TALIAN:</p> <p>a) Memberi akses kepada ST untuk memerhati atau mengaudit bagi setiap sesi;</p> <p>b) Peserta haruslah menghidupkan kamera sebagai pengesahan kehadiran sewaktu kelas berlangsung atau mempunyai aplikasi untuk memantau kehadiran atas talian;</p> <p>c) Bilangan maksimum kelas adalah seramai 15 orang atau mengikut keupayaan aplikasi untuk menunjukkan kamera semua peserta secara serentak;</p> <p>d) Bilangan maksimum ujian bertulis adalah seramai 9 orang atau mengikut keupayaan aplikasi untuk menunjukkan kamera semua peserta secara serentak;</p> <p>e) Menggunakan aplikasi khusus untuk menghantar dan merekod soalan dan jawapan bagi ujian bertulis;</p> <p>f) Mempunyai bank soalan untuk peserta setiap sesi menjawab soalan berbeza.</p> <p>g) Merekod keseluruhan sesi latihan untuk rekod</p> <p>PERUBAHAN ATAU PENAMBAHAN SYARAT: Suruhanjaya Tenaga berhak meminda atau menambah syarat-syarat yang ditetapkan ini dari semasa ke semasa.</p> <p>PENARIKAN BALIK Pengiktirafan ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa sekiranya mana-mana syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Tenaga tidak dipatuhi.</p>